



Kampung Buku akan ‘dihadupkan’ kembali

Lama tak dengar pasal Kampung Buku. Terima kasih Ketua Menteri sebab ambil berat tentang amalan baca buku

April 23, 2019 3:51 pm 0

BUKIT PALAH 23 April – Kerajaan Negeri Melaka sedang memikirkan inisiatif sesuai untuk dilaksanakan di Kampung Buku, Ayer Keroh bagi menarik lebih ramai rakyat Melaka menjadi kawasan itu sebagai lokasi pembacaan.

Ketua Menteri, Adly Zahari berkata, antara yang dicadangkan ketika ini adalah meletakkan bahan bacaan lama yang disumbangkan orang ramai di kawasan itu sebagai langkah menghidupkan kembali lokasi terbabit.

“Dalam masa sama, beberapa perbincangan turut dilakukan bagi menentukan agensi mana yang akan mengambil alih kawasan itu yang sebelum ini diletakkan dibawah Kumpulan Melaka Berhad (KMB).

“Konsepnya baik tetapi mesti ada inisiatif lain yang lebih menarik kepada orang ramai untuk datang ke sana,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Program Jom Membaca 10 Minit di Perbadanan Perpustakaan Melaka (Perpustam) di sini sebentar tadi.

Hadir sama, Exco Wanita, Kebajikan dan Pembangunan Luar Bandar, Ginie Lim Siew Lin dan Pengarah Perpustam, Mohamed Aizammuddy Mohamed Idris.

Dalam perkembangan lain, Adly turut memberitahu, Unit Pemerkasaan Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka telah diarahkan untuk melihat potensi kawasan tambakan laut untuk dijadikan kawasan rekripsi untuk rakyat.

“Salah satu komponennya adalah ruang membaca itu yang kita letakkan disamping tempat rekripsi dan beriadah seperti model Bandar Pintar Yokohama,” katanya.